



HEPA PERLU MELANGKAH JAUH KE HADAPAN

‘Perlu melangkah jauh ke hadapan’, itu lah ungkapan yang dikeluarkan oleh Prof Madya Dr.Hendrik Lamsali, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni UUM semasa merasmikan Bengkel Rebranding Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni baru-baru ini. Bengkel yang diadakan di Dewan Serbaguna, Pusat Penginapan Pelajar (SAC) itu telah dihadiri oleh Ketua-Ketua Pusat, Bahagian dan Pengetua-pengetua Inapan Siswa (INASIS) di Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA).



Bengkel yang diadakan selama empat hari itu adalah bertujuan untuk membincangkan berkaitan hala tuju dan perancangan strategik HEPA dalam jangka masa lima tahun di dalam menongkah arus bagi mencapai Misi dan Visi Universiti sejajar dengan hasrat kerajaan bagi mencapai Wawasan Kemakmuran Negara 2030.

Persoalan pokok yang dibincangkan di dalam bengkel ini termasuklah berkaitan dengan dana dan peruntukan kewangan, perjawatan staf, prasarana dan aktiviti-aktiviti dalam kalangan pelajar yang dapat memberi impak yang besar di dalam pembangunan holistik mereka dalam jangka masa lima tahun akan datang.

Menurut Prof Madya Dr.Hendrik, sudah tiba masanya bagi pihak Pengurusan di HEPA untuk memikirkan berkaitan dengan kaedah bagi penambahbaikan pembangunan holistik pelajar-pelajar masakini yang berbeza dengan pelajar-pelajar yang terdahulu. Melalui perkembangan teknologi masakini , cara “melayan” pelajar-pelajar juga adalah berbeza. Ini bertepatan dengan perkembangan zaman ledakan maklumat yang melanda dunia sekarang ini.

Ujar beliau lagi, Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni perlu membuat perancangan yang rapi serta bergerak pantas dalam jangka masa lima tahun ini bagi mencapai hasrat yang dimaksudkan itu. Justeru itu, bagi mencapai hasrat tersebut HEPA perlu bersama-sama dengan Alumni UUM yang berada di seluruh negara malahan berselerak sehingga keseluruh pelusuk dunia berganding bahu merealisasikan hasrat tersebut.

Menurut peserta bengkel , Prof Madya Dr. Rajwani Md Zain, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Dan Sokongan Pelajar (SSSD), bengkel ini perlu diadakan kerana peranan Jabatan Hal Pelajar Dan Alumni sudah semakin luas ketika ini berikutan bilangan pelajar-pelajar yang semakin bertambah. Oleh yang demikian satu buah fikiran yang baharu dan kerja berpasukan yang mantap perlu diterapkan dalam kalangan staf-staf di HEPA.

Turut hadir sebagai peserta di dalam bengkel tersebut ialah Prof.Madya Dr.Massudi Mahmuddin, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Encik Noor Azman Bin Yusof, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar.



Berbekalkan keyakinan, doa dan jati diri yang tinggi, Mohammad Daniel Mohammad Ismail selaku orator Bahasa Melayu UUM muncul sebagai Naib Johan Pertandingan Pengucapan Awam Piala Tun Mustapha (Kategori Pidato Bahasa Melayu) Peringkat Antarabangsa (PERPENA 2021) pada 29- 31 Mei 2021.

Pertandingan yang berlangsung di Negeri bawah bayu Sabah anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyaksikan Mohammad Daniel peserta dari Universiti Utara Malaysia.

Daniel anak kelahiran Sabak Bernam, Selangor di bawah program Pusat Pengajian Undang-Undang kelihatan gembira di atas kejayaan ini sekaligus beliau memahat sejarah mengharumkan nama Universiti Pengurusan Terkemuka.

TAHNIAH ! PELAJAR UUM NAIB JOHAN PENGUCAPAN AWAM PERINGKAT ANTARABANGSA

Sementara itu, UUM Student Excellence and Leadership Center (UUM SELECT) Jabatan Hal Ehwal Pelajar menzahirkan rasa bangga dengan bakat dan kesungguhan Daniel yang berhak meraih kejayaan dengan membawa pulang sijil penghargaan beserta wang tunai sebanyak RM700.

SYABAS! Harapan semoga Daniel akan melipatgandakan usaha bagi menyaksikan pencapaian yang lebih cemerlang di masa akan datang.

UUM
Universiti Utara Malaysia

Tahniah
NAIB JOHAN

**PERTANDINGAN PENGUCAPAN AWAM
PIALA TUN MUSTAPHA
(KATEGORI PIDATO BAHASA MELAYU)
PERINGKAT ANTARABANGSA (PERPENA 2021)
29-31 MEI 2021**

ANJURAN

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

"CONNECT, REACT, IMPACT"

Tulus ikhlas daripada
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),
Dekan, Pengarah dan seluruh warga kerja Jabatan Hal Ehwal Pelajar

**MOHAMMAD DANIEL MOHAMMAD ISMAIL
(ORATOR BAHASA MELAYU UUM)**

UUM SELECT
TOP 300
MQA
AMBA
ISO
IAQA

Dua staf Pusat Sukan UUM timba pengalaman sertai sukarelawan MyVac



Aktiviti kesukarelawanan atau khidmat masyarakat semakin mendapat perhatian umum bukan sahaja dalam kalangan badan bukan kerajaan (NGO) malahan telah menjadi perkara yang signifikan kepada institusi-institusi pengajian tinggi.

Usaha ini menjadi platform utama kebersamaan antara pihak universiti dan juga masyarakat.

Justeru itu, seramai dua orang staf Pusat Sukan Universiti Utara Malaysia telah mendaftarkan diri sebagai sukarelawan program imunisasi COVID-19 (MyVac) yang diterajui oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan disokong oleh Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) serta

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM). Staf yang dimaksudkan ialah Encik Mohd Aizul Firdaus Bin Musa dan Encik Mohd Iswandi Bin Abdul Wahab.

Tugas yang diberikan kepada mereka sebagai sukarelawan MyVac ialah membantu dalam kerja-kerja saringan gejala, pengambilan suhu badan, menguruskan janji temu, urusan pendaftaran dan mengawal keadaan di ruang menunggu. Mereka ditugaskan di Pusat Pengambilan Vaksin (PPV) Dewan Tunku Anum, Pejabat Daerah Kubang Pasu bermula pada 24 Mei 2021 sehingga 10 Jun 2021.